



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية العالمية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

MANUAL GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI

**FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
EDISI 2019**

ISI KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	1
2.	DEFINISI LATIHAN INDUSTRI	1
3.	OBJEKTIF	1
4.	HASIL PEMBELAJARAN	2
5.	SKOP	2
6.	TEMPOH	2
7.	SYARAT MENDAFTAR	2
8.	PENEMPATAN	3
9.	PERLAKSANAAN DAN PENGENDALIAN	3
9.1	Sistem Elektronik Latihan Industri (e-LI)	3
9.2	Peranan Penyelia Universiti	3
9.3	Peranan Organisasi dan Penyelia Organisasi	4
9.4	Peranan dan Tanggungjawab Pelajar	4
9.5	Pertukaran Alamat Organisasi Latihan	7
9.6	Pertukaran Organisasi Latihan	7
9.7	Insuran Pelajar	8
9.8	Elaun	8
9.9	Cuti	8
9.10	Kemalangan Semasa LI	8
9.11	Pengesahan Tamat LI	9
10.	PANDUAN UMUM SEMASA MENJALANI LI	9
11.	PERLANGGARAN PERATURAN ORGANISASI	9
12.	PENILAIAN	10
13.	PENUTUP	14
LAMPIRAN A: Surat/Kad/Borang		
	A1: Surat Pengesahan Lapor Diri	16
	A2: Kad Maklumat Semasa Latihan	17
	A3: Kad Pertukaran Alamat	18
	A4: Surat Pengesahan Tamat LI	19

LAMPIRAN B: Format/Penilaian

B1: Format Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri	24
B2: Helaian Mingguan Buku Log	37
B3: Borang Penilaian Penyelia Organisasi	38
B4: Borang Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri	40
B5: Borang Penilaian Pembentangan Laporan Akhir Latihan Industri	43

1. PENGENALAN

- 1.1 Semua pelajar peringkat sarjana muda di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diwajibkan menjalani kursus Latihan Industri (LI) bagi satu tempoh yang ditetapkan.
- 1.2 Kursus LI ini merupakan satu kursus yang memberi pendedahan kepada dunia kerjaya agar pelajar dapat menghubungkan kaitkan apa yang dipelajari secara teori dengan realiti sebenar dan lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka ceburi.
- 1.3 Manual Garis Panduan Latihan Industri ini dikeluarkan oleh pihak Fakulti bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar, Penyelia Universiti dan Penyelia Organisasi berkenaan LI.
- 1.4 Garis Panduan ini sah untuk digunapakai bagi semua pelajar FEM mulai sesi akademik 2018/2019 yang mengambil kursus Latihan Industri MZZ4016, MZC4016, dan MZZ401A.

2. DEFINISI LATIHAN INDUSTRI

- 2.1 **Latihan Industri** (LI) merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi luar, di dalam atau di luar negara, untuk menjalani latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, dalam jangka masa yang ditetapkan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan.
- 2.2 Pelajar juga akan didedahkan kepada aspek sosial, interaksi, budaya dan proses kerja di alam kerjaya.
- 2.3 LI adalah satu syarat **WAJIB** bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Walau bagaimanapun, LI ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut program-program pengajian di IPT.

3. OBJEKTIF

Objektif LI adalah untuk:

- 3.1 mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar.
- 3.2 mendedahkan pelajar kepada teknologi dan pengetahuan terkini di pasaran.
- 3.3 mendedahkan pelajar kepada amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 3.4 meningkatkan pengetahuan, kemahiran (terutamanya kemahiran insaniah) dan pengalaman pelajar dengan organisasi;
- 3.5 melahirkan graduan yang kompeten.
- 3.6 mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan yang sebenar.
- 3.7 mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar supaya lebih berdaya saing.
- 3.8 merapatkan jaringan kerjasama antara IPT dengan industri.

4. HASIL PEMBELAJARAN

Selepas melengkapkan kursus LI, pelajar berupaya:

- 4.1 mempertingkatkan kompetensi dan daya saing dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 4.2 menghubungkan pengalaman di tempat kerja dengan ilmu yang dipelajari di Universiti.
- 4.3 mengaplikasikan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari di tempat kerja di bawah penyeliaan.
- 4.4 menambahbaik kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.
- 4.5 menimba pengalaman dan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan untuk memilih pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian kelak.

5. SKOP

- 5.1 Skop latihan adalah berpandukan kepada kurikulum program akademik untuk memudahkan organisasi luar merangka rancangan latihan pelajar.
- 5.2 Walau bagaimanapun, organisasi luar berhak mengubah skop latihan bersesuaian dengan aktiviti dan keperluan mereka selaras dengan skop yang telah dikenalpasti oleh fakulti.
- 5.3 Antara skop program LI adalah memberi:
 - 5.3.1 pendedahan pelbagai jenis pekerjaan dalam organisasi dengan melakukan kerja yang berkaitan di bawah penyeliaan seperti mengumpul data, membuat kajian, mengurus sumber, mengurus pelanggan dan lain-lain;
 - 5.3.2 kefahaman mengenai proses dan operasi sesuatu sistem secara menyeluruh.
 - 5.3.3 latihan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran mengikut pengkhususan yang diambil. Ini termasuklah melatih pelajar dalam projek berkumpulan.

6. TEMPOH

- 6.1 LI di FEM dilaksanakan dalam jangka masa mengikut program pengajian:
 - 6.1.1 Jangka masa **20 MINGGU**
 Bagi pelajar mengikuti Program SmPM, SmPPK, SmPHK dan SmPKI.
 - 6.1.2 Jangka masa **24 MINGGU**
 Bagi pelajar mengikuti Program SmPAK.

7. SYARAT MENDAFTAR

- 7.1 Telah mengambil semua kursus prasyarat yang telah ditentukan oleh Fakulti.
- 7.2 Pelajar perlu mendaftar kursus MZZ4016 atau MZC4016 atau MZZ401A di Portal *iStudent*. Sekiranya pelajar **TIDAK** mendaftar kursus LI, pelajar **TIDAK** dibenarkan log masuk ke sistem Elektronik Latihan Industri (*e-LI*).
- 7.3 Pelajar perlu memastikan segala yuran pengajian berkaitan diselesaikan.

- 7.4 Pelajar menjalani kursus LI pada semester akhir pengajian atau semester pengajian yang dibenarkan oleh Fakulti.
- 7.5 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** memanjangkan tempoh latihan atau menangguhkan LI kecuali dengan kebenaran pihak Fakulti.

8. PENEMPATAN

- 8.1 Semua pelajar **WAJIB** menjalankan LI di **organisasi luar USIM** kecuali dengan kebenaran pihak Fakulti.
- 8.2 Pelajar mesti berusaha mencari tempat LI berdasarkan bidang pengkhususan.
- 8.3 Permohonan tempat LI **HANYA DIBENARKAN** melalui sistem *e-LI*.
- 8.4 Pelajar yang ingin menjalankan LI di luar negara **MESTI** mendapat kebenaran pihak Universiti bagi pengurusan ke luar negara. Semua kos yang terlibat adalah tanggungan pelajar. Prosedur kerja dan dokumen berkaitan permohonan LI ke luar negara boleh didapati dan dimuat turun di dalam laman sesawang *Usim Alamiyah*.
- 8.5 Pihak Fakulti boleh mengeluarkan pelajar dari sesuatu tempat LI atas sebab-sebab tertentu bagi kebaikan pelajar dan/atau universiti.
- 8.6 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan LI di organisasi yang mempunyai pertalian keluarga terdekat. Sekiranya berlaku, tindakan tatatertib akan diambil.
- 8.7 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** bertukar tempat latihan kecuali dengan kebenaran pihak Fakulti.

9. PERLAKSANAAN DAN PENGENDALIAN

9.1 Sistem Elektronik Latihan Industri (*e-LI*)

- 9.1.1 USIM menyediakan sistem bersepadu yang dikenali sebagai Sistem Elektronik Latihan Industri (*e-LI*) yang mesti digunakan oleh semua fakulti bagi melancarkan pemprosesan LI. Sistem *e-LI* adalah di bawah seliaan Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLMJI), USIM.
- 9.1.2 Sistem *e-LI* dibangunkan secara *web based* dan boleh dicapai menerusi pautan <http://eli.usim.edu.my> atau menerusi pautan pantas laman web USIM dan *iStudent*.

9.2 Peranan Penyelia Universiti

- 9.2.1 Penyelia Universiti bagi LI terdiri daripada staf akademik yang dilantik. Tugas utama Penyelia Universiti adalah:
 - a. melakukan sekurang-kurangnya **SATU (1) KALI** pemantauan dalam tempoh pelajar menjalani LI. Pemantauan dijalankan secara lawatan atau menghubungi Penyelia Organisasi dan pelajar melalui telefon, e-mel atau kaedah lain yang bersesuaian. Sekiranya pemantauan dijalankan secara lawatan, Penyelia perlu menetapkan jadual lawatan;

- b. memastikan pelajar berada di tempat LI yang dikenalpasti;
- c. membina jaringan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak Organisasi;
- d. menyelaras, membimbing dan memberi panduan kepada pelajar yang sedang menjalani LI;
- e. berbincang dengan Penyelia Organisasi berkenaan program latihan yang diberikan kepada pelajar;
- f. menyemak Buku Log dan Laporan Akhir pelajar;
- g. memberi maklumbalas kepada pihak Fakulti mengenai laporan penyeliaan dan penilaian serta saranan untuk memperbaiki LI.

9.3 Peranan Organisasi dan Penyelia Organisasi

9.3.1 Peranan umum organisasi adalah:

- a. memberi maklum balas samada terima atau tolak permohonan pelajar dengan mengemukakan borang maklumbalas USIM atau surat tawaran rasmi dari organisasi **TERUS** kepada pelajar. Borang maklumbalas boleh dipos/faks/e-mel/serahan tangan kepada USIM atau pelajar.
- b. melantik pegawai yang bersesuaian sebagai penyelia pelajar.

9.3.2 Peranan Penyelia Organisasi adalah seperti berikut:

- a. menyelaras, membimbing dan memberi panduan kepada pelajar yang sedang menjalani LI;
- b. menyemak Buku Log pelajar;
- c. mendaftar di dalam sistem *e-LI*, USIM;
- d. membuat penilaian prestasi pelajar di Organisasi;
- e. mengisi markah laporan penilaian pelajar di dalam sistem *e-LI* sebelum/pada tarikh yang ditetapkan;
- f. memantau kemajuan pelajar dan memberi tunjuk ajar dan maklumbalas yang sesuai secara dinamik;
- g. memastikan skop tugas pelajar adalah lebih berfokuskan kepada bidang pengkhususan pelajar;
- h. memberi maklum balas kepada Penyelia Universiti;
- i. memaklumkan kepada Fakulti sekiranya berlaku sebarang kes tatatertib atau salah laku pelajar.

9.4 Peranan dan Tanggungjawab Pelajar

- 9.4.1 Pelajar mempunyai tanggungjawab utama menyelesaikan projek dan lain-lain tugas yang diberi oleh organisasi dalam tempoh masa yang ditetapkan.

9.4.2 Sebelum Menjalani LI

- a. Mendaftar kursus LI (MZZ4016 atau MZC4016 atau MZZ401A) di dalam Portal *iStudent*.
- b. Memastikan semua yuran berkaitan dijelaskan.
- c. Mencari tempat dan mendapat maklumat tentang kekosongan tempat latihan di organisasi.
- d. Kaedah permohonan dan tanggungjawab pelajar adalah seperti berikut:
 - i. menyemak senarai organisasi latihan yang boleh dipohon di dalam sistem *e-LI*;
 - ii. sekiranya organisasi tidak tersenarai di dalam sistem *e-LI*, pelajar perlu mendapatkan maklumat berkaitan organisasi dan **WAJIB** mendaftarkan organisasi tersebut di dalam sistem *e-LI*;
 - iii. maklumat organisasi yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - latar belakang organisasi;
 - jenis aktiviti organisasi;
 - iv. memastikan kesesuaian organisasi mengikut bidang pengkhususan;
 - v. memastikan organisasi yang dipilih adalah organisasi yang sekurang-kurangnya telah **LIMA (5) TAHUN** ditubuhkan, berdaftar dan beroperasi secara sah.
 - vi. pelajar dibenarkan memohon **SEPULUH (10)** tempat latihan pada satu-satu masa.
 - vii. pelajar **WAJIB** menghubungi organisasi yang dimohon dalam tempoh **SATU (1) MINGGU** dari tarikh surat permohonan dihantar untuk mengetahui status permohonan.
 - viii. sekiranya pelajar tidak menerima sebarang maklumbalas dari organisasi selepas **SATU (1) BULAN** dari tarikh permohonan, pelajar perlu menolak permohonan secara rasmi dan menghantar surat penolakan kepada organisasi dan disalin kepada Ketua Program (KP) dan PLMJJ.
 - ix. sekiranya pelajar mendapat tawaran lebih dari **SATU (1) TEMPAT LATIHAN**, pelajar dikehendaki membuat pembatalan secara rasmi kepada organisasi terlibat. Surat pembatalan perlu dihantar melalui pos/faks/e-mel kepada organisasi dan disalin kepada Fakulti dan PLMJJ.
 - x. membuat persediaan untuk ditemuduga oleh organisasi (sekiranya perlu).

- e. Menghadiri Bengkel Taklimat Persediaan LI yang bertujuan memberi panduan kepada pelajar mengenai:
 - i. kurikulum LI,
 - ii. kaedah memilih dan memohon organisasi,
 - iii. kesesuaian organisasi mengikut program pengajian,
 - iv. penyediaan resume,
 - v. kelas penampilan diri;
 - vi. etika, peraturan, tindakan disiplin dan tatatertib semasa LI;
 - vii. panduan menulis laporan akhir dan pembentangan,
 - viii. kriteria penilaian.

- f. Setelah berjaya mendapat tempat praktikal di organisasi, pelajar perlu:
 - i. mencetak dokumen-dokumen berikut di dalam sistem *e-LI* dalam **TIGA (3) SALINAN** bagi setiap satu dokumen:
 - Surat Pengesahan Penerimaan
 - Surat Aku Janji, dan
 - Surat Perlindungan Insuran.
 - ii. menandatangani Surat Aku Janji,
 - iii. mendapatkan tandatangan KP bagi Surat Aku Janji,
 - iv. menyerahkan **SATU (1) SALINAN** bagi ketiga-tiga dokumen tersebut kepada KP dan Penyelia Organisasi,
 - v. menyimpan ketiga-tiga salinan dokumen tersebut untuk tujuan rekod dan ditampal dalam Laporan Akhir di bahagian Lampiran.

- g. Setelah melapor diri, pelajar dikehendaki melengkapkan **Surat Pengesahan Lapor Diri (Lampiran A1)** dan **Kad Maklumat Semasa Latihan (Lampiran A2)**. Surat Pengesahan Lapor Diri hendaklah dihantar melalui pos/faks/e-mel kepada KP dan disalin kepada Penyelia Universiti dalam tempoh **SATU (1) MINGGU** selepas melapor diri di organisasi. Sekiranya **GAGAL** berbuat demikian, pelajar dianggap **TIDAK MELAPOR DIRI** di organisasi dan akan dikenakan tindakan tatatertib.

9.4.3 Semasa Menjalani LI

- a. Semasa menjalani LI, pelajar perlu:
 - i. memaklumkan kepada KP dan Penyelia Universiti sebaik sahaja melapor diri di tempat latihan menggunakan Surat Pengesahan Lapor Diri. Surat tersebut hendaklah dihantar

- melalui pos/faks/e-mel kepada KP dan disalin kepada Penyelia Universiti.
- ii. mengurus tempat kediaman dan pengangkutan di tempat latihan;
 - iii. menjaga keselamatan diri semasa latihan;
 - iv. memastikan kehadiran penuh pada hari-hari bekerja di organisasi;
 - v. melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan oleh organisasi;
 - vi. memenuhi skop latihan yang dikehendaki oleh organisasi;
 - vii. membuat catatan Buku Log, menulis laporan dan melaksanakan tugas lain sebagaimana diarahkan;
 - viii. sentiasa bersikap positif serta memberi sumbangan mengikut kemampuan pelajar;
 - ix. menjalin hubungan baik dengan organisasi untuk persediaan bagi menceburkan diri dalam alam pekerjaan;
 - x. menjaga nama baik Universiti, Fakulti dan Organisasi;
 - xi. memberi kerjasama kepada organisasi sepanjang masa;
 - xii. menghubungi Penyelia Universiti dengan segera sekiranya menghadapi masalah;
 - xiii. mematuhi segala peraturan di organisasi;
 - xiv. mematuhi Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971, dan Kaedah-Kaedah Tatatertib Universiti Sains Islam Malaysia (tatatertib pelajar-pelajar), 2009.

9.5 Pertukaran Alamat Organisasi Latihan

- 9.5.1 Sekiranya berlaku pertukaran alamat tempat latihan, pelajar dikehendaki mengisi **Kad Pertukaran Alamat (Lampiran A3)** dan dihantar kepada KP dan disalin kepada Penyelia Universiti dan PLMJJ melalui pos/faks/e-mel dengan kadar segera.

9.6 Pertukaran Organisasi Latihan

- 9.6.1 Pertukaran tempat latihan adalah **TIDAK DIBENARKAN** selepas surat penempatan dikeluarkan.
- 9.6.2 Walau bagaimanapun, pertukaran tempat latihan boleh dipertimbangkan di atas alasan-alasan yang munasabah dan mendapat kebenaran bertulis daripada **Dekan**.
- 9.6.3 Pelajar yang bertukar tempat latihan tanpa kebenaran adalah melanggar peraturan LI dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

9.7 Insuran Pelajar

- 9.7.1 Semua pelajar USIM yang mengikuti LI adalah dilindungi oleh Takaful Keluarga Berkelompok USIM.

9.8 Elaun

- 9.8.1 Universiti **TIDAK** menyediakan elaun LI kepada pelajar menjalani LI.
 9.8.2 Elaun daripada majikan adalah tertakluk kepada peruntukan organisasi sekiranya ada.
 9.8.3 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** meminta/merayu majikan memberi elaun.

9.9 Cuti

“Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu menjalani latihan industri kecuali dengan kelulusan organisasi yang berkaitan”

Dasar Latihan Industri IPT (muka surat 35)

- 9.9.1 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** mengambil cuti sewaktu menjalani latihan kecuali dengan kelulusan organisasi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, sebarang cuti bagi tujuan urusan rasmi perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan organisasi.
 9.9.2 Sekiranya pelajar cuti kerana sakit atau cuti mengejut kerana sesuatu hal yang menimpa keluarga, pelajar perlu memaklumkan kepada KP, Penyelia Organisasi dan Penyelia Universiti dengan kadar segera. Surat cuti atau sijil akuan sakit hendaklah diserahkan kepada Penyelia Organisasi.
 9.9.3 Salinan surat cuti atau sijil akuan sakit hendaklah ditampal dalam Laporan Akhir di bahagian Lampiran.

9.10 Kemalangan Semasa latihan

- 9.10.1 Jika berlaku kemalangan sepanjang tempoh latihan, pelajar atau wakil pelajar dikehendaki memaklumkan kepada KP dan menghubungi pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP).
 9.10.2 Sekiranya pelajar mengalami kemalangan dan memperolehi sijil akuan sakit melebihi **ENAM (6)** hari, pelajar perlulah:
 a. mendapatkan surat pengesahan perubatan dari hospital.
 b. melapor kepada KP.
 c. mendapatkan surat sokongan daripada KP sekiranya ingin melanjutkan tempoh latihan atau menangguh LI pada semester akan datang.
 9.10.3 Salinan surat cuti atau sijil akuan sakit hendaklah ditampal dalam Laporan Akhir di bahagian Lampiran.

9.11 Pengesahan Tamat latihan

- 9.11.1 Pelajar yang telah tamat menjalankan LI perlu mendapatkan **Surat Pengesahan Tamat Latihan (Lampiran A4)** yang menggunakan Kepala Surat (*Letter Head*) organisasi.
- 9.11.2 Surat tersebut perlu dihantar kepada KP melalui pos/faks/e-mel.
- 9.11.3 Surat ini perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. nama dan nombor matrik pelajar,
 - b. tarikh mula dan tamat LI,
 - c. tandatangan Penyelia Organisasi,
 - d. cop rasmi organisasi LI.

10. PANDUAN UMUM SEMASA MENJALANI LI

- 10.1 Sepanjang menjalani tempoh latihan industri, pelajar tetap tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dan Kaedah-Kaedah Tatatertib Universiti Sains Islam Malaysia (tatatertib pelajar-pelajar), 2009.
- 10.2 Pelajar **HARUS** mematuhi peraturan berikut semasa menjalani program LI:
 - 10.2.1 mematuhi masa bekerja dan segala peraturan di organisasi sama seperti kakitangan yang lain (contoh: solat mesti dilaksanakan semasa waktu rehat dan/atau selepas waktu pejabat);
 - 10.2.2 **TIDAK** mengambil cuti sepanjang masa menjalani LI kecuali dengan kelulusan organisasi berkaitan;
 - 10.2.3 menghubungi pihak Organisasi dengan segera sekiranya tidak dapat hadir kerana kecemasan atau cuti sakit;
 - 10.2.4 menghubungi pihak Organisasi sekiranya terpaksa sampai lewat kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan;
 - 10.2.5 **TIDAK** membocorkan rahsia atau memberi maklumat sulit organisasi kepada mana-mana pihak semasa menjalankan LI ataupun sesudahnya;
 - 10.2.6 menggunakan sebarang harta kepunyaan organisasi dengan baik;
 - 10.2.7 sentiasa berpakaian kemas sesuai dengan keadaan dan peraturan pemakaian di tempat LI;
 - 10.2.8 menyediakan laporan yang tidak memburukkan organisasi tempat latihan.

11. PERLANGGARAN PERATURAN ORGANISASI

- 11.1 Pelajar yang melanggar peraturan organisasi tempat mereka membuat latihan sehingga merosak atau memudaratkan nama baik Universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Tatatertib Universiti Sains Islam Malaysia (tatatertib pelajar-pelajar), 2009.

12. PENILAIAN

12.1 Penilaian LI adalah berdasarkan kepada pencapaian dan kebolehan pelajar untuk menghadiri Bengkel Taklimat Persediaan LI, menyediakan Buku Log, laporan penilaian daripada Penyelia Organisasi, Penulisan Laporan Akhir dan Pembentangan Laporan Akhir.

12.2 Pelajar perlu memenuhi kesemua komponen penilaian LI dengan jayanya. Kegagalan memenuhi kesemua komponen penilaian LI akan menyebabkan pelajar **TIDAK LAYAK** untuk disahkan tamat LI. Pelajar boleh **DIGAGALKAN** kursus LI dan dikehendaki mengulang kursus LI pada semester berikutnya.

12.3 Komponen-komponen yang dinilai adalah seperti berikut:

12.3.1 Penilaian Sebelum Menjalankan LI

a. Persediaan LI (10%)

- i. Penilaian berdasarkan kepada penyertaan aktif dalam aktiviti yang dijalankan oleh Fakulti sebagai persediaan LI.
- ii. Pelajar **WAJIB** menghadiri Bengkel Taklimat Persediaan LI yang dianjurkan oleh fakulti pada Semester VII sesi pengajian akademik.
- iii. Bengkel ini merangkumi:
 - Penerangan tentang garis panduan LI dan jangkaan pihak Industri;
 - Penerangan tentang persediaan mental dan fizikal pelajar (contoh: sesi ketrampilan diri);
 - Penerangan tentang penyediaan Laporan Akhir LI di mana pelajar diwajibkan untuk mengenalpasti isu-isu kritikal berkaitan bidang pengajian (contoh: pusingganti pekerja yang tinggi) dan cadangan penyelesaian mengikut organisasi tersebut;
 - Penerangan tentang Pembentangan Laporan Akhir LI.

12.3.2 Penilaian Semasa Menjalankan LI

- a. Penilaian oleh Penyelia Organisasi.
- b. Pelajar **WAJIB** memaklumkan dan mendaftarkan maklumat Penyelia Organisasi melalui sistem *e-LI*.
- c. Penilaian Penyelia Organisasi merangkumi dua skop iaitu: Komponen Praktikal dan Komponen Sahsiah (**Lampiran B3**).
- d. **Komponen Praktikal (30%)**
 - i. Komponen Praktikal dinilai berdasarkan prestasi kerja pelajar melalui tugas praktikal yang diberikan setiap hari yang merangkumi:

- pengetahuan kerja,
 - kebolehpercayaan untuk menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan,
 - keperluan untuk penyeliaan,
 - kualiti kerja.
- ii. Penilaian adalah berdasarkan tugas praktikal yang diberikan oleh Penyelia Organisasi dan direkodkan di dalam Buku Log.
- Buku Log perlu ditulis secara mingguan di dalam sistem e-LI.
 - Helai mingguan Buku Log perlu dicetak oleh pelajar dan disemak, disahkan dan ditandatangani oleh Penyelia Organisasi.
 - Buku Log hendaklah dikepulkan dalam Laporan Akhir di bahagian Lampiran.
- e. **Komponen Sahsiah (20%)**
- i. Komponen Sahsiah dinilai berdasarkan kemahiran insaniah pelajar meliputi perkara berikut:
- kemahiran berkomunikasi,
 - kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah,
 - kemahiran kerja berpasukan,
 - etika dan integriti.

12.3.3 Penilaian Selepas Menjalankan LI

- a. Penilaian oleh Penyelia Universiti yang dilantik oleh Dekan.
- b. Fakulti akan memaklumkan senarai Penyelia Universiti pada **Semester VII** sesi pengajian akademik.
- c. Penilaian oleh Penyelia Univesiti merangkumi:
- i. **Laporan Akhir LI (30%)**
- a. Laporan Akhir LI perlu disediakan menggunakan format yang ditetapkan oleh fakulti. Format penyediaan laporan boleh dirujuk dalam **Lampiran B1: Format Penulisan LI**. Jumlah mukasurat diantara 30 hingga 50 mukasurat (tidak termasuk Rujukan (*Bibliography*) dan Lampiran (*Appendices*)).
- b. Laporan ditulis dalam Bahasa Inggeris dan **WAJIB** dihantar pada tarikh Pembentangan Laporan Akhir.
- c. Laporan mesti memuatkan perkara di bawah dan dinilai dengan wajaran markah berikut:

No.	Kandungan	Markah (30%)
1	Pengenalan (<i>Introduction</i>)	5
2	Tugasan yang dilaksanakan dan pengajaran yang diperolehi (<i>Activities performed and lesson learned</i>)	5
3	Analisa kritis (<i>Critical analysis</i>)	20
4	Kemahiran menulis (<i>Writing skills</i>)	5
5	Kesimpulan (<i>Conclusion</i>)	5
Jumlah Markah		40
		/ 40 * 30

- d. Pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada organisasi jika diperlukan oleh pihak mereka.
- e. Pelajar boleh mendapatkan surat pengesahan daripada fakulti sekiranya diperlukan oleh organisasi.
- f. **PLAGIAT/CIPLAK.**
- Plagiat didefinisikan sebagai “menggunakan hasil kerja orang lain tanpa memberi pengiktirafan kepada mereka, sebagai hasil kerja sendiri”. Idea dan penulisan yang diambil dari sesuatu sumber tanpa menyatakan sumber asalnya adalah plagiat. Berikut adalah antara perkara-perkara yang dianggap plagiat:
 - peniruan sebahagian/sepenuhnya petikan dari teks seolah-olah penulisan sendiri. Petikan berkenaan mestilah diolah dengan menggunakan perkataan sendiri dan dinyatakan sumbernya,
 - idea yang diambil terus dari sesuatu rujukan tanpa menyatakan sumbernya. Sepatutnya mesti diletakkan dalam bentuk petikan dan dinyatakan sumbernya,
 - maklumat lanjut berkenaan plagiat boleh dirujuk dalam Gaya Dewan (1995),
 - plagiat merupakan salah laku akademik serius yang boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah Tatatertib Universiti.

ii. **Pembentangan Laporan Akhir LI (10%)**

- a. Sesi pembentangan akan diadakan pada **MINGGU KE-22** (bagi pelajar program SmPM, SmPPK, SmPHK dan SmPKI) dan **MINGGU KE-26** (bagi pelajar program SmPAK) dan tertakluk kepada jadual pembentangan LI yang ditetapkan fakulti.
- b. Wajaran Markah Pembentangan LI:

No.	Kandungan	Markah (%)
1	Pengurusan pembentangan (<i>Organization</i>)	5
2	Kandungan Slaid (<i>Slide Content</i>)	5
3	Kontak mata (<i>Eye contact</i>)	5
4	Gaya percakapan dan bahasa badan (<i>Elocution & body language</i>)	5
5	Sesi soal jawab (<i>Q & A session</i>)	5
Jumlah Markah		25
		/ 25 * 10

- c. Pelajar perlu mendapatkan pengesahan dari organisasi jika diperlukan oleh pihak mereka.
- d. Pelajar **WAJIB** hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Tiada perubahan tarikh dan masa pembentangan dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis dari Dekan.
- e. Pelajar dinasihatkan menepati masa dan hadir **LIMA BELAS (15) MINIT** lebih awal dari masa pembentangan.
- f. Masa pembentangan yang dicadangkan adalah **LIMA BELAS (15) MINIT** sahaja.
- g. Kandungan slaid pembentangan adalah:
 - Pengenalan
 - Latar belakang organisasi
 - Aktiviti LI
 - Isu dan analisa kritis
 - Cadangan penambahbaikan
 - Kesimpulan
- h. Slaid pembentangan perlu dicetak dan diletakkan di dalam Laporan Akhir di bahagian lampiran.

12.4 Wajaran Pemarkahan Keseluruhan

Wajaran pemarkahan bagi keseluruhan kursus LI bagi tempoh satu (1) semester adalah seperti berikut:

No.	Kandungan	Markah (%)
1	Penyelia Organisasi <ul style="list-style-type: none"> • Praktikal (30%) • Sahsiah (20%) 	50
2	Penyelia Universiti <ul style="list-style-type: none"> • Persediaan LI (10%) • Laporan Akhir (30%) • Pembentangan (10%) 	50
Jumlah Markah		100

13. PENUTUP

Manual Garis Panduan Latihan Industri ini hendaklah diguna bagi menyelaraskan pelaksanaan LI di Fakulti.

LAMPIRAN A: Surat/Kad/Borang

1. Surat Pengesahan Laporan Diri
2. Kad Maklumat Semasa Latihan
3. Kad Pertukaran Alamat (jika berkenaan)
4. Surat Pengesahan Tamat Latihan Industri

LAMPIRAN B: Format/Penilaian

1. Format Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri
2. Buku Log (Helaiian Mingguan)
3. Borang Penilaian Penyelia Organisasi
4. Borang Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri
5. Borang Penilaian Pembentangan Laporan Akhir Latihan Industri

Nota: Lampiran A yang disertakan di dalam garis panduan ini merupakan contoh sahaja. FEM bebas untuk menggunakan apa-apa format/ketetapan yang telah ditetapkan di dalam dokumen kualiti masing-masing. Walaubagaimanapun, semua borang penilaian seperti di Lampiran B telah ditetapkan untuk digunapakai bagi semua pelajar FEM mulai sesi 2018/2019.

Lampiran A1: Surat Pengesahan Laporan Diri

SURAT PENGESAHAN LAPOR DIRI

Nama & Alamat Organisasi

Kepada:

Ketua Program

(Nama Program)

Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan

Tuan/Puan,

Sukacita dimaklumkan pelajar berikut telah melapor diri di organisasi kami:

Nama Pelajar: _____

No Matrik: _____

Tarikh Laporan Diri: _____

Sekian. Terima kasih.

(Tandatangan Pegawai Organisasi Latihan)

Nama: _____

Jawatan: _____

Mohon kerjasama supaya borang ini dapat diisi dan dikembalikan kepada Ketua Program sebaik sahaja pelajar-pelajar berkenaan melapor diri di organisasi tuan. Borang ini boleh dipos atau difax (06-798 6302) atau die-mel kepada Ketua Program.

Lampiran A2: Kad Maklumat Semasa Latihan

KAD MAKLUMAT SEMASA LATIHAN

MAKLUMAT PELAJAR

Nama Pelajar : _____

No. Matrik : _____ No. Kad Pengenalan : _____

Alamat Kediaman (Semasa Latihan) : _____

Tarikh Lapor Diri : _____

Elaun Diterima (jika ada) : _____ (sebulan)

Biasiswa (jika ada) : _____

 (Tandatangan Pelajar)

MAKLUMAT ORGANISASI

Nama Organisasi : _____

Alamat Organisasi : _____

Tel : _____ Faks : _____ E-mel : _____

Nama Pegawai : _____

Jawatan : _____

COP RASMI ORGANISASI

 (Tandatangan Pegawai Organisasi Latihan)

Kad maklumat ini perlu dikembalikan oleh pelajar kepada Ketua Program sebaik sahaja melapor diri di organisasi. Kad ini boleh dipos atau difax (06-798 6302) atau die-mel kepada Ketua Program. (tindakan boleh dikenakan kepada mana-mana pelajar yang engkar).

Lampiran A3: Kad Pertukaran Alamat

MAKLUMAT PERUBAHAN ALAMAT SEMASA LATIHAN

Nama Pelajar : _____

No Matrik : _____

Perubahan Alamat Tempat Tinggal

Alamat Lama:

.....
.....
.....
.....

Alamat Baru:

.....
.....
.....
.....

Perubahan Alamat Tempat Latihan

Alamat Lama:

.....
.....
.....
.....

Alamat Baru:

.....
.....
.....
.....

Tandatangan Pelajar : _____ Tarikh : _____

PENGESAHAN ORGANISASI

Tandatangan Pegawai : _____

Nama Pegawai : _____

Jawatan : _____

COP RASMI
ORGANISASI

Lampiran A4: Surat Pengesahan Tamat Latihan Industri

KEPALA SURAT ORGANISASI LATIHAN

(Nama & Alamat Organisasi)

Kepada:

Ketua Program

(Nama Program Pengajian)

Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan

Tuan/Puan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar berikut telah menamatkan latihan industri di organisasi kami dengan jayanya.

Nama Pelajar : _____

No Matrik : _____

Tempoh latihan : _____

Sekian. Terima kasih.

(Tandatangan Pegawai Organisasi Latihan)

Nama Pegawai : _____

Jawatan : _____

COP RASMI
ORGANISASI

Lampiran B1: Format Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri

Bahagian A: Kaedah Penulisan Laporan Akhir LI

1. Panduan Umum

- i. Laporan hendaklah ditaip pada kertas putih dan disusun mengikut turutan yang betul.
- ii. Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri hendaklah menggunakan kertas bersaiz A4 (210 × 297 mm) dan berat minimum kertas ialah 80gsm.
- iii. Laporan **MESTI** ditulis dalam Bahasa Inggeris sepenuhnya.
- iv. Mukasurat sekurang-kurangnya di antara 30 hingga 50 muka surat bercetak tidak termasuk lampiran.
- v. Penggunaan ayat perlulah tepat, padat, mudah difahami dan menggunakan **ayat pasif**.

Contoh ayat pasif:

(Gaya penulisan yang betul)

